

JKM tiada komputer rekod data mangsa bah

BH 29/1

JOHOR BAHRU: Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) cawangan negeri dan daerah sepatutnya dilengkapi kemudahan teknologi maklumat bagi merekodkan data mangsa banjir serta memudahkan penyaluran bantuan dan wang ihsan kerajaan.

Ahli Parlimen Pulau, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata pegawai terbabit ketika ini mengumpul data dan maklumat peribadi mangsa banjir dalam kedua-dua

kejadian bencana alam itu secara manual.

"Ini mengambil masa lama kerana mereka perlu menyemak satu persatu senarai mangsa yang ramai dan berulang kali untuk mengelak kesilapan," katanya ketika ditemui pada majlis penyerahan wang sumbangan ihsan RM200 kepada mangsa banjir di Parlimen Pulau, di sini, semalam.

Beliau berkata, dalam dunia serba moden, Kementerian Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat sepatutnya membekalkan JKM komputer riba lengkap perisian termasuk kamera digital yang membolehkan gambar mangsa disimpan dalam data JKM.

"Kelengkapan ini membolehkan kerja pengagihan wang ihsan disalurkan cepat dan cekap serta lebih adil kepada mangsa banjir yang berhak," katanya.

Selain itu, beliau berkata, rekod dalam sistem berkenaan dapat di-

periksa lebih cepat dan tepat untuk mengelak pembohongan pihak yang mahu mengambil kesempatan.

JKM semalam mengagihkan sumbangan wang ihsan itu kepada 753 keluarga dalam Parlimen Pulau membabitkan penduduk Kampung Pengkalan Rinting, Kampung Pasir, Sri Jaya, Sri Jaya Baru, Sri Serdang, Sri Serdang Baru dan Tuah Jaya.

"Mungkin pengalaman mengurus-

kan mangsa banjir di Johor boleh dijadikan titik permulaan kepada Kementerian menyedia dan melengkapkan JKM di negeri serta daerah dengan peralatan teknologi maklumat," katanya.

JKM semalam mengagihkan sumbangan wang ihsan itu kepada 753 keluarga dalam Parlimen Pulau membabitkan penduduk Kampung Pengkalan Rinting, Kampung Pasir, Sri Jaya, Sri Jaya Baru, Sri Serdang, Sri Serdang Baru dan Tuah Jaya.